

02/10/2003

BPR ambil salinan tuntutan (HL)

Veena Rusli; Ridzuan Yop; Wan Jailani Razak

KUALA LUMPUR: Pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke Parlimen pagi semalam untuk mengambil salinan tuntutan 14 ahli Dewan Rakyat yang didapati melebihi RM10,000 sebulan.

Kelmarin, dua pegawai kanan dari Ibu Pejabat BPR Putrajaya turut menemui Setiausaha Parlimen, Datuk Mohd Salleh Hassan bagi mendapatkan penjelasan mengenai kaedah tuntutan dilakukan.

Mohd Salleh, ketika mengesahkan perkara itu kepada pemberita di pejabatnya semalam berkata, pihaknya memberi kerjasama penuh dalam menyediakan maklumat yang diperlukan pegawai BPR.

"Saya jelaskan prosedurnya dan segala tuntutan yang berhak dibuat oleh setiap Ahli Parlimen," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai tindakan BPR itu di Langkawi semalam berkata: "Kita tengoklah. Saya tak berani nak komen, anda beritahu saja."

Sementara itu, Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata BPR adalah pihak paling wajar menyalah 14 Ahli Parlimen yang membuat tuntutan melebihi RM10,000 sebulan.

Beliau berkata, Ahli Parlimen terbabit membuat tuntutan ketika Dewan Rakyat tidak bersidang dan pihaknya tidak mengetahui untuk keperluan apa.

"Jika tuntutan itu tidak munasabah dan mungkin berlaku penipuan, peraturan dan undang-undang sedia ada akan menghukum pihak terbabit," katanya.

Laporan sebelum ini menyebut, 14 Ahli Parlimen membuat tuntutan melebihi RM10,000 sebulan dengan Mohd Apandi Mohamad (Jeli) di tempat teratas yang membuat tuntutan melebihi jumlah itu 10 kali.

Ia diikuti Ahli Parlimen Lubuk Antu, Jawah Gerang yang empat kali membuat tuntutan melebihi RM10,000; Abdul Rahman Yusof (Kemaman - dua kali) dan masing-masing sekali oleh Abdul Fatah Harun (Rantau Panjang); Datuk Lau Hoi Chew (Sibu); Datuk Mastika Junaidah Husin (Arau); Kong Cho Har (Lumut); Hoo Seong Chang (Kluang); Lim Bee Kau (Padang Serai); Goh Kheng Huat (Nibong Tebal); Mohd Yusoff Mohd Nor (Machang); Ramli Ibrahim (Kota Bharu); Abu Bakar Othman (Jerlun) dan Mohd Nasir Che Daud (Kuala Krai).

Zahir berkata, Ahli Parlimen boleh hilang kelayakan sebagai wakil rakyat jika disabitkan kesalahan yang membawa hukuman denda minimum RM2,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali.

Mengulas isu yang sama, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, berkata peruntukan Akta Saraan Ahli Parlimen menyatakan Ahli Parlimen tidak mempunyai had tuntutan asalkan disertakan bukti mencukupi sebagai pengesahan.

Ahli Parlimen yang menghadiri sesuatu majlis akan mendapat elaun RM150, ditambah RM100 sebagai elaun harian jika bermalam, manakala peruntukan untuk hotel tidak melebihi RM200, menjadikan jumlahnya RM450.

"Itu belum dicampur elaun perbatuan iaitu sebanyak 60 sen setiap kilometer manakala jika menaiki kapal terbang, mereka boleh menuntut kelas perniagaan. Kalau betul mereka hadir di majlis dan ada bukti menyokong tuntutan, tiada apa yang perlu dibimbangkan," katanya.

Beliau berkata, hak Ahli Parlimen membuat tuntutan tidak boleh dipersoalkan tetapi mereka boleh diminta memberi penjelasan jika jumlahnya dianggap seolah-olah melampau.

Dalam perkembangan berkaitan, Mohd Apandi yang mendahului senarai

tuntutan tertinggi ketika ditemui wartawan di lobi Parlimen berkata: "Saya diarah oleh peguam saya supaya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan."

Di LANGKAWI: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata tuntutan melebihi `kebiasaan' perlu disiasat bagi memastikan kesahihannya kerana biasanya purata tuntutan seseorang Ahli Parlimen hanya RM5,000 sebulan.

Sehubungan itu, beliau menyokong tindakan BPR menyoal 14 ahli Parlimen yang membuat tuntutan melebihi RM10,000 sebulan.

"Walaupun tuntutan melebihi RM10,000 bukan kesalahan, apa yang perlu disahkan ialah sama ada tuntutan itu dibenarkan mengikut jadual tuntutan bagi Ahli Parlimen.

"Kita hormati mereka (BPR) dan berharap mereka akan memberikan laporan yang objektif," katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet di Rumah Kabinet, Gunung Raya di sini, semalam.